

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG  
(Tanjong Piai)**

**NO. SOALAN : 149**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah projek Lampu Jalan Kampung di seluruh Negara akan dilaksanakan semula kerana selepas tahun 2012 projek Lampu Jalan Kampung tidak lagi dilaksanakan sehingga kini.

## **Jawapan :**

Untuk makluman YB, program pemasangan Lampu Jalan Kampung masih diteruskan secara berperingkat-peringkat di seluruh Negara. Program ini akan diteruskan semua kampung mendapat kemudahan ini. Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah 268,034 unit LJK telah siap dipasang diseluruh negara iaitu 218,444 unit di Semenanjung Malaysia, 28,429 unit di negeri Sabah dan 21,161 unit di negeri Sarawak.

Pada tahun 2015, pemasangan LJK di seluruh negara akan diteruskan dan kerja-kerja pemasangan LJK ini akan dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad di Semenanjung Malaysia, Sabah Electricity Sdn. Bhd. di Sabah dan Sarawak Energy Berhad di Sarawak. Kementerian mengunjurkan bahawa sejumlah 49,000 unit LJK akan mula dipasang di seluruh Negara bermula pada Mei 2015 dan akan siap sepenuhnya pada April 2016.